

25 DEC 2001

DR MAHATHIR DAN ISTERI HADIR MAJLIS PERKAHWINAN ANAK STAF

KUALA LUMPUR, 25 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali malam ini menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan stafnya yang bertugas di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Dr Mahathir mendahului acara merenjis air mawar bagi pasangan pengantin Jehan Farah Mohd Nor, 27 dan Rashdan Abdul Rahim, 27, diikuti Dr Siti Hasmah dan keluarga kedua-dua belah pihak, pada majlis bersanding di sini.

Jehan Farah, seorang setiausaha di Malaysia L&G Sdn Bhd merupakan anak sulung kepada Hajah Noraini Mohd Nor dan Mohd Nor Abdul Majid manakala Rashdan, seorang jurutera sistem di Mesiniaga Berhad, merupakan anak bongsu daripada empat beradik kepada Haji Abdul Rahim Ali dan Hajah Rosnah Bujang.

-- BERNAMA

NZ NZ FAZ